QURANICA, International Journal of Quranic Research,
Special Issue. 16, October 2026, pp. 332-366
© 2026 Centre of Quranic Research (CQR),
University of Malaya, Malaysia

PERUNTUKAN RIWAYAT DAN TARIQ QIRA'AT DALAM PERATURAN MUSABAQAH AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN: ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA(*)

(Provisions on Riwāyah and Ṭarīq of the Qirāʾāt in National Quranic Competition Regulations: A Comparative Analysis between Malaysia and Indonesia)

Zahin bin Mohamad Tahir[1], Muhammad Asyraf bin Baharudin[2], Mohammad Roshimi bin Abdullah[3]

ABSTRACT

This study examines how the space for qirāʾāt, the room afforded to the plurality of transmitted readings, is regulated in the national Quranic competition rules of Malaysia and Indonesia. Although both states have long invested in qirāʾāt education, the documents governing these competitions have not been analysed as objects of study. Using a directed approach to qualitative content analysis of regulatory documents, the study compares two editions of the Malaysian regulations (2016 and 2024) and three editions of the Indonesian guidelines (2020, 2023 and 2025) across three fields, namely riwāyah, ṭarīq and assessment items. Both regimes narrowed that space, but through different mechanisms and at different levels. Malaysia's changes operated within a single riwāyah,

(*) This article was submitted on: 09/08/2026 and accepted for publication on: 26/10/2026.

1 Sekolah Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI).
Emel: zahinmotahir@gmail.com

2 Jabatan Usuluddin, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ). (Corresponding Author)
Emel: asyrafbaha@unisiraj.edu.my

3 Jabatan Bahasa Arab, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ).
Emel: mohdroshimi@unisiraj.edu.my

restricting the modes of mad and permitting the alternative ṭarīq only as an exception that requires prior notification. Indonesia's changes operated across riwāyāt. Its qirāʾāt branch kept the same structure, yet in 2025 the reference to the ten readers was removed, the dedicated item measuring the distinguishing features of each riwāyah was dissolved and only partly absorbed into general items, and maqraʾ numbering was made to follow the state standard muṣḥaf. Of six competing explanations, adjudicability, the tendency of scored competitions to retain criteria that can be judged uniformly, fits the evidence best. The study concludes that the space for qirāʾāt is shaped by three overlapping layers, namely structure, canonical reference and measurement.

Keywords: *Qirāʾāt Sabʿah, Riwāyah Ḥafṣ, Ṭarīq Al-Shāṭibiyyah, Quranic Recitation Competition, Adjudicability, Religious Policy*

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis cara peraturan musabaqah al-Quran peringkat kebangsaan di Malaysia dan Indonesia mengehadkan ruang qira'at, iaitu ruang yang diberikan kepada kepelbagaian bacaan al-Quran yang diriwayatkan. Walaupun kedua-dua negara telah lama memberi perhatian kepada pendidikan qira'at, dokumen peraturan yang mengawal musabaqah belum pernah dijadikan objek analisis. Dengan menggunakan analisis kandungan terarah terhadap dokumen peraturan, kajian ini membandingkan dua edisi peraturan Malaysia (2016 dan 2024) dan tiga edisi pedoman Indonesia (2020, 2023 dan 2025) berdasarkan tiga medan, iaitu riwayat, tariq dan item penilaian. Edisi terkini peraturan kedua-dua negara memberikan ruang yang lebih terhad berbanding edisi sebelumnya, tetapi melalui mekanisme dan aras yang berbeza. Di Malaysia, had baharu dikenakan dalam satu riwayat sahaja, iaitu wajah mad dikurangkan dan tariq alternatif hanya dibenarkan sebagai pengecualian yang perlu dimaklumkan lebih awal. Di Indonesia, perubahan berlaku pada aras antara riwayat. Cabang qira'at kekal sebagai cabang tersendiri, tetapi pada 2025 rujukan kepada imam sepuluh digugurkan, item penilaian khusus bagi ciri pembeza riwayat dibubarkan dan hanya sebahagian kandungannya dimasukkan ke dalam item umum, manakala penomboran

maqra' ditetapkan mengikut Mushaf Standar. Daripada enam kemungkinan penjelasan, prinsip kebolehhakiman, iaitu kecenderungan sistem bermarkah untuk mengekalkan kriteria yang dapat dinilai secara seragam, paling sesuai dengan bukti. Kesimpulannya, ruang qira'at dalam musabaqah ditentukan oleh tiga lapisan yang bertindan, iaitu struktur, rujukan kanon dan item pengukuran.

Kata Kunci: *Qira'at Sab'ah, Riwayat Hafs, Tariq Al-Syatibiyyah, Musabaqah Al-Quran, Kebolehhakiman, Dasar Keagamaan*

1. PENGENALAN

Malaysia dan Indonesia sama-sama menampilkan diri sebagai pemelihara tradisi bacaan al-Quran di alam Melayu. Kedudukan ini disokong oleh usaha institusi selama beberapa dekad. Malaysia menganjurkan majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan yang pertama pada tahun 1960 dan peringkat antarabangsa pada tahun berikutnya (Abdullah Yusof & Siti Norfariza Mohd Tawel, 2013). Indonesia pula memberikan asas institusi kepada penganjurannya dengan menubuhkan Lembaga Pengembangan Tilawatil Qur'an pada 7 Mei 1977, selepas Musabaqah Tilawatil Qur'an Nasional kesembilan diadakan pada tahun 1976 (Direktorat Penerangan Agama Islam [DPAI], 2020). Dalam tempoh yang sama, kedua-dua negara turut membangunkan pendidikan *qira'at* secara formal yang masih dijalankan sehingga kini.

Edisi terkini peraturan musabaqah kedua-dua negara, iaitu Peraturan Malaysia Pindaan 2024 dan Pedoman Indonesia 2025, memberikan ruang yang lebih terhad kepada kepelbagaian bacaan berbanding edisi sebelumnya, walaupun perubahan itu berlaku pada aras yang berlainan. Kedua-dua perubahan utama di Malaysia berlaku dalam satu riwayat. Status *Tariq al-Tayyibah* ditukar daripada pilihan yang setara kepada pengecualian yang perlu dimaklumkan, dan wajah bacaan yang dibenarkan bagi *Mad Jaiz Munfasil* dikurangkan. Indonesia pula membuat perubahan yang melibatkan hubungan antara riwayat, iaitu menggugurkan rujukan kepada imam *qira'at* sepuluh, membubarkan item penilaian khusus bagi ciri pembeza riwayat dan menetapkan Mushaf Standar terbitan negara sebagai rujukan penomboran *maqra'*.

Pindaan ini dibuat ketika pengajaran *qira'at* masih giat dijalankan di kedua-dua negara. Di Malaysia, ilmu ini diajarkan di sekolah menengah melalui

Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (Mohd Aderi Che Noh, 2011) dan pada peringkat diploma di Darul Quran (Darul Quran JAKIM, t.t.). Darul Quran bernaung di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), iaitu agensi yang turut menganjurkan majlis tilawah kebangsaan. Namun, majlis itu tidak menyediakan kategori yang membolehkan kepakaran yang dihasilkan oleh program pendidikan agensi itu sendiri dipersembahkan. Ketidakselarasan antara dasar pendidikan dengan dasar pertandingan ini menjadi pendorong utama kajian ini.

Peruntukan yang lebih ketat ini tidak semestinya bersifat negatif kerana had terhadap wajah bacaan mempunyai justifikasi yang kukuh dalam disiplin *qira'at* dan dapat membantu memastikan penilaian yang adil. Fokus kajian ini ialah kesan keseluruhan had itu terhadap peluang untuk mempersembahkan kepelbagaian bacaan. Buku peraturan dan pedoman musabaqah lazimnya dibaca sebagai dokumen teknikal, sedangkan dokumen inilah yang menentukan riwayat yang diiktiraf, *tariq* yang dibenarkan dan ciri bacaan yang diberi markah atas nama negara.

Persoalan kajian ini merangkumi cara ruang *qira'at* ditakrifkan dan dihadkan dalam peraturan musabaqah kebangsaan kedua-dua negara, serta mekanisme pentadbiran yang digunakan untuk meminda peruntukan antara edisi dalam tempoh 2016 hingga 2025. Kajian ini juga menimbang penjelasan yang paling sesuai dengan bukti, di samping kesan pindaan itu terhadap usaha melahirkan pelapis *qurra'* dan terhadap dakwaan kedua-dua negara sebagai pemelihara tradisi bacaan. Kes Indonesia menimbulkan persoalan yang lebih khusus kerana cabang *qira'at* di sana diwujudkan untuk mempertandingkan perbezaan antara riwayat, namun item penilaian khusus yang mengukur perbezaan itu dibubarkan pada 2025. Mengapakah sesebuah sistem menggugurkan kriteria yang menjadi tujuan asal kategorinya diwujudkan?

Setakat semakan penulis, belum ada kajian yang membandingkan perubahan peruntukan riwayat dan *tariq* dalam peraturan kedua-dua negara secara langsung dari satu edisi ke edisi yang lain. Secara konseptual, kajian ini menyumbang kerangka tiga lapisan untuk menilai ruang *qira'at* pada dua aras, serta prinsip kebolehhakiman untuk menjelaskan corak pindaan yang ditemui.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Kajian Sanad dan Pengijazahan Qira'at

Kajian lepas tentang *qira'at* di Nusantara banyak tertumpu pada sanad. Antaranya, Norazman Alias et al. (2018) mendapati bahawa keabsahan bacaan bergantung pada rantaian periwayatan yang bersambung dan disahkan oleh guru yang berautoriti. Hude et al. (2020) menelusuri kualiti dan kuantiti sanad *qiraah sab'ah*, Ulya et al. (2023) mengkaji peranan KH Muhammad Arwani dalam menyebarkan *qira'at sab'ah* di Indonesia dan Hissan et al. (2025) menganalisis pengajaran *qira'at* melalui kaedah *talaqqi musyafahah*. Kajian-kajian ini membincangkan keabsahan *qira'at* dalam konteks hubungan guru dengan murid, tetapi tidak menyentuh cara negara mengiktiraf ilmu yang diwarisi melalui hubungan tersebut.

2.2 Kajian Pengajaran dan Kurikulum Qira'at

Pada peringkat sekolah di Malaysia, *qira'at sab'ah* merupakan salah satu komponen kurikulum Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran dan dinilai melalui peperiksaan khas. Pencapaian murid kelas qiraat di Kelantan berada pada tahap sederhana akibat kekurangan minat, masa dan bahan bantu mengajar (Sharifah Noorhidayah Syed Aziz & Norhasanah Mohd Yusoff, 2023). Di Kedah, kemahiran guru dalam ilmu qiraat berada pada tahap sederhana tinggi (Aini Haslina Abdul Hamid, 2023). Azmil Hashim dan Jahidih Saili (2015) mengaitkan mutu pengajaran qiraat di sekolah dengan tahap penguasaan guru. Pada peringkat pengajian tinggi, Abdul Jalal Abdul Manaf (2019) menilai program diploma qiraat sebagai pengajian yang tersusun. Darul Quran menawarkan Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dengan Syukbah Qiraat sebagai salah satu daripada enam aliran. Program diploma tersebut diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1998 dan oleh Agensi Kelayakan Malaysia pada 2018 (Darul Quran JAKIM, t.t.). Pengajiannya berteraskan *matn Hirz al-Amani*, yang menuntut kefahaman terhadap kaedah dan simbol khusus (Mohd Ikram Mohd Nawi et al., 2025).

2.3 Kajian Musabaqah sebagai Objek Penyelidikan

Hanya sebilangan kecil kajian menjadikan musabaqah sebagai objek penyelidikan. Gade (2004) mendapati bahawa perkembangan musabaqah di Indonesia menyebabkan sebahagian amalan bacaan setempat kehilangan prestij apabila berhadapan dengan piawaian yang diseragamkan. Rasmussen (2010) memperincikan cara bacaan al-Quran diinstitusikan dan dianjurkan dalam bentuk festival. Darwis et al. (2026) pula meneliti penggunaan aplikasi digital dalam kalangan peserta MTQ cabang *qira'at*. Handayana dan Rezi (2018) menganalisis MTQ sebagai sebahagian daripada dasar akomodatif pemerintah Indonesia terhadap umat Islam.

2.4 Kajian Pembentukan Kanon, Kepelbagaian Riwayat dan Bilangan Ayat

Dalam kajian sejarah kanon, Nasser (2020) membahagikan proses pembentukan kanon *qira'at* kepada lima fasa, bermula dengan penyeragaman *rasm* pada zaman ʿUthman dan pemilihan tujuh imam oleh Ibn Mujahid. Dalam fasa seterusnya, al-Dani dan al-Syatibi memantapkan kanon dua perawi, Ibn al-Jazari menambah tiga imam dan al-Azhar menerbitkan edisi cetak pada awal 1920-an. Kajian terdahulunya memperincikan pendirian Ibn Mujahid tentang tujuh bacaan berserta dua perawi bagi setiap imam (Nasser, 2015), serta perbahasan *tawatur* yang membezakan bacaan yang diterima daripada bacaan *shawādhdh* (Nasser, 2013). Di Nusantara, Prayitna et al. (2024) meninjau kodifikasi ilmu *qira'at*, Istiqomah et al. (2025) membandingkan metodologi *al-Syatibiyyah* dengan *Tayyibat al-Nasyr* dan Himmad et al. (2023) memperincikan hubungan antara *al-Syatibiyyah*, *al-Durrah* dan *al-Tayyibah*. Menurut Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim et al. (2024), objektif utama ilmu *taḥrīrāt al-qirāʾāt* ialah mengelakkan *tarkīb*, iaitu pertindihan jalur bacaan dalam satu persembahan. VanderMeulen (2021) mengesan perubahan autoriti dalam mendengar dan menilai bacaan dalam tradisi *qira'at* apabila bacaan disampaikan melalui perantara teknologi.

Ilmu bilangan ayat (*ʿadd al-āy*) sering dikelirukan dengan *qira'at* walaupun kedua-duanya merupakan disiplin yang berasingan. Farrin (2019) menghuraikan tujuh sistem bilangan ayat yang dinisbahkan kepada pusat-pusat mushaf serantau. Sistem-sistem ini tiada kaitan dengan perawi imam *qira'at*. Beliau juga menjelaskan proses yang menjadikan sistem *Kufi* dominan dalam mushaf cetak

moden. Perbezaan antara kedua-dua disiplin ini penting untuk memahami peruntukan penomboran *maqra'* dalam pedoman Indonesia.

2.5 Kerangka Konseptual: Penyetaraan Ukuran, Kereaktifan dan Penyahgandingan

Memandangkan borang pemarkahan musabaqah pada dasarnya ialah alat pengukuran, kajian ini menggunakan tiga konsep daripada kajian institusi dan pengukuran. Penyetaraan ukuran (*commensuration*) merujuk kepada proses menukarkan kualiti yang berlainan jenis kepada satu metrik sehingga ciri yang tidak dapat dimasukkan ke dalam metrik itu akhirnya tidak diambil kira (Espeland & Stevens, 1998). Kereaktifan (*reactivity*) pula ialah kecenderungan pihak yang diukur untuk menyesuaikan tingkah laku mereka dengan apa yang diukur (Espeland & Sauder, 2007). Dalam rumusan asal Meyer dan Rowan (1977), penyahgandingan (*decoupling*) merujuk kepada struktur formal yang dikekalkan secara seremonial untuk memperoleh legitimasi, walaupun struktur itu terpisah daripada aktiviti teras organisasi. Bromley dan Powell (2012) kemudian membezakan satu bentuk lain, iaitu penyahgandingan cara-matlamat (*means-ends decoupling*). Dalam bentuk ini, dasar dilaksanakan sepenuhnya, tetapi hubungannya dengan matlamat teras menjadi kabur. Keadaan ini juga boleh berlaku tanpa sebarang niat strategik. Pengertian yang dikemukakan oleh Bromley dan Powell digunakan dalam kajian ini. Ketiga-tiga konsep ini berfungsi sebagai alat tafsiran dalam Bahagian 4.5 dan 4.6, tetapi tidak diuji secara formal.

2.6 Jurang Kajian

Secara keseluruhan, kajian lepas telah memperincikan sanad, pengajaran, amalan peserta, konteks dasar dan sejarah kanon *qira'at*. Pemetaan bibliometrik juga mendapati bahawa kajian dalam bidang ini banyak tertumpu pada pendidikan dan pedagogi (Ku Mohd Syarbaini Ku Yaacob et al., 2025). Dokumen peraturan musabaqah belum dijadikan objek analisis, apatah lagi dibandingkan antara kedua-dua negara secara diakronik.

3. METODOLOGI

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen, iaitu kaedah sistematik untuk mentafsir dokumen sebagai sumber data yang lengkap pada dirinya (Bowen, 2009). Pendekatan ini dipilih kerana objek kajian ialah teks preskriptif yang menetapkan perkara yang wajib, dibenarkan dan dilarang. Kategori pengekodan ditetapkan terlebih dahulu berdasarkan disiplin *qira'at*, selaras dengan pendekatan analisis kandungan terarah atau *directed content analysis* (Hsieh & Shannon, 2005). Pendekatan ini sesuai kerana ketiga-tiga medan yang dikaji sudah mapan dalam disiplin tersebut dan persoalan kajian berkisar pada cara ketiga-tiga medan itu diperuntukkan dalam peraturan.

3.2 Korpus dan Prosedur Pemilihan Dokumen

Korpus kajian terdiri daripada lima dokumen peraturan sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Korpus dokumen peraturan

Kod	Dokumen	Pengeluar	Tahun
M1	Peraturan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan (Pindaan 2016)	JAKIM	2016
M2	Peraturan dan Penghakiman Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (Pindaan 2024)	JAKIM	2024
I1	Buku Pedoman Musabaqah Al-Qur'an dan Al-Hadis	DPAI, Kementerian Agama RI	2020
I2	Buku Pedoman Musabaqah Al-Qur'an dan Al-Hadis Tahun 2023	DPAI, Kementerian Agama RI	2023

Kod	Dokumen	Pengeluar	Tahun
I3	Buku Pedoman Musabaqah Al-Qur'an dan Al-Hadis 2025	DPAI, Kementerian Agama RI	2025

Sumber: Susunan penulis

Dokumen dipilih berdasarkan empat kriteria, iaitu bersifat preskriptif, dikeluarkan oleh badan yang berkuasa mengawal selia musabaqah kebangsaan, mengandungi klausa yang mengawal bacaan dan tersedia sekurang-kurangnya dalam dua edisi bagi setiap negara. Bagi Malaysia, Pindaan 2016 dan Pindaan 2024 ialah dua edisi yang boleh diperoleh secara umum. Semakan perantaraan, sekiranya ada, tidak diterbitkan secara awam. Bagi Indonesia, ketiga-tiga edisi yang tersedia turut dimasukkan. Kesemua dokumen diakses dalam bentuk PDF pada Julai 2026 daripada portal rasmi JAKIM dan repositori Lembaga Pengembangan Tilawatil Qur'an peringkat wilayah. Pedoman 2023 dan 2025 berbentuk teks digital, manakala Pedoman 2020 berbentuk salinan imbasan. Kulit, halaman penerbitan dan kata pengantar setiap edisi disemak bagi memastikan setiap satunya merupakan terbitan yang lengkap.

3.3 Takrifan Istilah, Aras Ruang Qira'at dan Konvensi Ejaan

Qirāʾah ialah mazhab bacaan yang dinisbahkan kepada seorang imam. *Riwāyah*, yang seterusnya disebut riwayat bacaan, ialah bacaan yang dinisbahkan kepada perawi imam itu. *Ṭarīq* pula ialah jalur periwayatan di bawah seseorang perawi, dan *wajh* ialah pilihan bacaan yang diharuskan dalam sesuatu jalur (Salim, 2022). *Qira'at sabʿah* merujuk kepada tujuh *qira'at* mutawatir yang dinisbahkan kepada tujuh imam, dengan dua perawi bagi setiap imam, iaitu empat belas riwayat kesemuanya. Istilah ini tidak merangkumi empat *qira'at* syaz yang lazim dihimpunkan bersama sepuluh *qira'at* dalam istilah *al-qirāʾāt al-arbaʿ ʿashrah* (Nasser, 2013). *Mujawwad* dan *murattal* masing-masing ialah bacaan berlagu yang perlahan dan bacaan sederhana tanpa pengembangan melodi (Nelson, 2002). *Maqra'* ialah petikan ayat yang ditentukan untuk dibaca, manakala kesalahan *jalī* dan *khafī* masing-masing merujuk kepada kesalahan yang nyata dan kesalahan yang halus.

Ruang *qira'at* dalam kajian ini bermaksud kepelbagaian bacaan sah yang dibenarkan oleh peraturan untuk dipersembahkan dan dinilai, dan ruang ini dibahagikan kepada dua aras. Aras dalaman riwayat merangkumi pilihan *tariq* dan wajah bacaan dalam satu riwayat, seperti pilihan antara *Tariq al-Syatibiyyah* dengan *Tariq al-Tayyibah* bagi riwayat *Hafs*. Aras antara riwayat pula merangkumi imam dan riwayat yang diiktiraf, serta ciri yang membezakan satu riwayat daripada riwayat yang lain. Kesan kedua-dua aras ini tidak setara kerana aras antara riwayat menentukan riwayat yang boleh dipersembahkan, manakala aras dalaman riwayat hanya menentukan kelonggaran yang diberikan semasa membaca satu riwayat. Istilah yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu dieja mengikut ejaan lazim, seperti *qira'at*, *tariq* dan *Hafs*. Sebaliknya, istilah teknikal yang belum diserap ditransliterasikan dengan diakritik penuh, seperti *taḥrīr*, *tarkīb* dan *ʿadd al-āy*. Petikan daripada teks peraturan dikekalkan mengikut ejaan asal.

3.4 Unit Analisis dan Prosedur Pengekodan

Dengan klausa peraturan sebagai unit analisis, setiap klausa yang berkaitan dengan bacaan dikodkan mengikut tiga medan, iaitu riwayat (riwayat yang diiktiraf), *tariq* (jalur periwayatan dan syarat yang dikenakan) dan item penilaian (perkara yang diberi markah atau dipotong markah). Pusingan pertama pengekodan meliputi kesemua lima dokumen, manakala dalam pusingan kedua, pengekod kedua mengekod semula kesemua klausa yang dikenal pasti sebagai berubah secara berasingan dan tidak merujuk kepada keputusan pusingan pertama. Sebarang perbezaan diselesaikan dengan merujuk semula kepada teks asal. Pekali kebolehpercayaan antara pengekod tidak dikira kerana bilangan klausa yang terlibat kecil dan takrifan setiap medan telah ditetapkan lebih awal. Sebagai gantinya, keputusan pengekodan direkodkan dalam jadual perbandingan klausa demi klausa sebagai jejak audit. Setiap perubahan pada item penilaian disemak di sekurang-kurangnya dua tempat dalam dokumen yang sama, iaitu senarai ringkas dan huraian terperinci. Perubahan yang hanya muncul di satu tempat digunakan sebagai maklumat sokongan sahaja.

Prosedur dua pusingan ini tidak dapat menghapuskan sepenuhnya risiko negatif palsu, iaitu perubahan yang terlepas pandang dalam klausa yang telah dikodkan sebagai tidak berubah. Bagi mengurangkan risiko ini, bahagian cabang

qira'at dalam Pedoman 2023 dan 2025 dibandingkan secara menyeluruh dengan bantuan perisian perbandingan teks. Setiap perbezaan yang dikesan kemudiannya disemak semula dengan jadual pengekodan. Perbandingan ini mengesahkan perubahan yang telah dikodkan dan turut memperincikan cara sebahagian kandungan item *tathbīq* diserap oleh item lain. Pedoman 2020 dan kedua-dua edisi Malaysia pula dibandingkan secara manual. Oleh itu, perubahan yang dilaporkan bagi dokumen tersebut hendaklah dibaca sebagai senarai minimum.

3.5 Prosedur Analisis

Analisis dijalankan dalam dua peringkat, iaitu peringkat deskriptif dan peringkat penjelasan. Peringkat deskriptif membandingkan klausa merentas negara dan merentas edisi dalam negara yang sama. Oleh sebab dokumen tidak menyertakan nota yang menjelaskan sebab sesuatu pindaan dibuat, peringkat penjelasan menggunakan prosedur inferens kepada penjelasan terbaik (*inference to the best explanation*). Beberapa kemungkinan penjelasan dikemukakan dan ditimbang terhadap kedua-dua kes serentak. Penjelasan yang dapat menerangkan paling banyak dapatan dan tidak bercanggah dengan mana-mana dapatan dirajihkan sebagai hipotesis yang masih memerlukan pengesahan.

3.6 Batasan Kajian

Dokumen peraturan hanya memperlihatkan niat pengawal atur sebagaimana yang termaktub dalam teks, sedangkan amalan sebenar hakim semasa musabaqah tidak dapat dinilai melalui data ini. Penjelasan yang dikemukakan bersifat inferens kerana kajian ini tidak melibatkan temu bual dengan penyusun peraturan dan hakim. Korpus kajian juga terhad kepada peringkat kebangsaan, maka ketiadaan kategori *qira'at* yang dilaporkan hanya merujuk kepada majlis kebangsaan anjuran JAKIM. Liputan masa bagi kedua-dua negara tidak sama. Malaysia diwakili oleh dua edisi dalam tempoh lapan tahun, berbanding tiga edisi dalam tempoh lima tahun bagi Indonesia. Atas sebab itu, perubahan di Malaysia dinisbahkan kepada tempoh antara kedua-dua edisi, sementara perbandingan antara negara dihadkan kepada arah dan mekanisme perubahan.

4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 Daripada Pilihan kepada Pengecualian: Peruntukan Riwayat dan Tariq dalam Peraturan Musabaqah Malaysia

Peraturan Pindaan 2024 disemak oleh sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM dan dianggotai oleh panel penggubal (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM], 2024). Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025 (para. 81). Urus Setia Induk, iaitu bahagian di JAKIM yang menguruskan majlis tilawah, diberi kuasa untuk memutuskan perkara yang tercatat dan yang tidak tercatat dalam peraturan dengan keputusan yang bersifat muktamad (para. 79). Kedua-dua edisi berpegang kepada riwayat *Hafs ʿan ʿAsim*, justeru kesemua perubahan yang dihuraikan di bawah berlaku pada aras dalaman riwayat.

4.1.1 Syarat Baharu bagi Pilihan Tariq

Dalam Peraturan 2016, riwayat *Hafs ʿan ʿAsim* ditetapkan sebagai asas. Perkara yang dihakimi merangkumi bacaan menurut *Tariq al-Imam al-Syatibi* atau *Tariq al-Imam Ibn al-Jazari* (JAKIM, 2016). Kedua-dua *tariq* itu disenaraikan sebagai pilihan yang setara tanpa sebarang syarat pentadbiran. Peraturan 2024 pula mewajibkan peserta kategori tilawah membaca menurut *Tariq al-Syatibiyyah* (para. 36). Peserta yang memilih *Tariq al-Tayyibah* hendaklah memaklumkan Urus Setia Induk selewat-lewatnya lima jam sebelum persembahan (JAKIM, 2024). Syarat bagi kategori hafazan lebih ketat kerana tiada pengecualian diberikan bagi *Tariq al-Tayyibah* (para. 51).

Kategori tilawah masih membenarkan *Tariq al-Tayyibah*, tetapi dengan statusnya yang baharu sebagai pengecualian, sebahagian kuasa untuk mengesahkan pilihan bacaan kini dipegang oleh urus setia. Dua *tariq* yang sama-sama sah dan mutawatir juga kini tidak setara dari segi pentadbiran. Kesetaraan yang dimaksudkan di sini ialah kesahan kedua-duanya kerana dari segi skop, *Tayyibat al-Nasyr* merangkumi jalur periwayatan yang jauh lebih banyak daripada *al-Syatibiyyah* (Ibn al-Jazari, 2002; Istiqomah et al., 2025).

4.1.2 Had terhadap Wajah Bacaan Mad

Dalam Peraturan 2016, *Mad Jaiz Munfasil* boleh dibaca dua, empat atau lima *ḥarakāt* mengikut *tariq* yang dipilih, dengan syarat pilihan itu dikekalkan sepanjang bacaan (JAKIM, 2016). Teks utama Peraturan 2024 hanya membenarkan empat atau lima *ḥarakāt*. Kadar dua *ḥarakāt* (*qaṣr al-munfaṣil*) hanya disebut dalam peruntukan sampingan yang mewajibkan peserta menyempurnakan semua hukum tajwid menurut *Tariq al-Tayyibah* (JAKIM, 2024). Dengan itu, peserta hanya boleh membaca kadar dua *ḥarakāt* jika mereka memilih untuk membaca keseluruhan persembahan menurut *Tariq al-Tayyibah*, dan pilihan itu tertakluk kepada syarat makluman lima jam.

Dari sudut *taḥrīr*, *munfasil* bagi riwayat *Hafs* menurut *Tariq al-Syatibiyyah* dibaca empat atau lima *ḥarakāt*. *Qaṣr al-munfaṣil* pula hanya sah melalui *Tariq al-Tayyibah*, dengan syarat semua hukum tajwid diselaraskan menurut *tariq* tersebut (Ikmal Zaidi Ismail & Syahir Nzly Mohd Radzi, 2022). Rumusan dalam Peraturan 2016 boleh dianggap terlalu longgar dan telah dibetulkan dalam Peraturan 2024. Meskipun begitu, peluang untuk membaca kadar dua *ḥarakāt* tetap berkurang kerana pilihan yang dahulunya terbuka secara langsung kini tertakluk kepada kedua-dua syarat tersebut. Selain itu, syarat makluman lima jam tidak mempunyai asas dalam prinsip *taḥrīr* kerana prinsip itu hanya menuntut ketekalan bacaan.

4.1.3 Potongan Markah dan Ganjaran bagi Ketekalan Tariq

Peraturan 2016 memotong satu markah bagi kesalahan *khafī* dan dua markah bagi kesalahan *jalī*, dan tiada contoh pencampuran riwayat diberikan (JAKIM, 2016). Peraturan 2024 memotong setengah markah bagi kesalahan *khafī* dan satu markah bagi kesalahan *jalī*, mengehadkan potongan bagi kesalahan yang sama kepada lima kali serta menyenaraikan pencampuran riwayat dan *tariq* sebagai contoh kesalahan *jalī* (JAKIM, 2024). Dengan wajaran tajwid yang kekal tiga puluh lima markah, bidang ini menjadi lebih longgar dari segi kadar potongan, tetapi lebih terperinci dari segi kandungan. Peraturan 2024 turut memperuntukkan markah istimewa (maksimum satu markah) bagi peserta yang mampu menyempurnakan riwayat dan *tariq*. Dengan itu, ketekalan *tariq* dikawal melalui potongan markah dan ganjaran secara serentak.

Keputusan untuk menamakan pencampuran sebagai kesalahan *jalī* bersandarkan perbahasan lama tentang *tarkīb al-qirāʾāt*, iaitu menggabungkan dua riwayat atau lebih dalam satu kalimah (Muhammad Fairuz A. Adi et al., 2025). *Tarkīb* berbeza daripada *jamʿ al-qirāʾāt*, iaitu kaedah menghimpunkan wajah khilaf mengikut kaedah tertentu (Al-Hadi Qabah, 1999; Ummi Kalsom Hasan & Zainora Daud, 2023). Ahli *qira'at* menganggap pertindihan jalur bacaan sebagai satu kecacatan (Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim et al., 2024). Pandangan ini berdasarkan prinsip bahawa seseorang hanya boleh membacakan apa yang telah dibaca atau didengarnya daripada guru (Ibn al-Jazari, 1999). Peraturan 2024 menjadikan prinsip tersebut sebahagian daripada kriteria pemarkahan.

Jadual 2

Perbandingan peruntukan riwayat dan tariq dalam peraturan musabaqah Malaysia 2016 dan 2024

Aspek peruntukan	**Pindaan 2016**	**Pindaan 2024**	**Corak perubahan**
Riwayat asas	Hafs ʿan ʿAsim	Hafs ʿan ʿAsim	Kekal
Kedudukan tariq	al-Syatibi atau Ibn al-Jazari; pilihan tanpa syarat	Tilawah: al-Tayyibah tertakluk kepada makluman; hafazan: tiada pengecualian	Lebih terhad
Mad Jaiz Munfasil	Dua, empat atau lima *ḥarakāt*	Empat atau lima; dua *ḥarakāt* hanya di bawah al-Tayyibah	Lebih terhad; selaras dengan *taḥrīr*
Pencampuran riwayat dan tariq	Tidak dinamakan	Dinamakan sebagai contoh kesalahan *jalī*	Dipertegas
Kadar potongan markah tajwid	*khafī* satu; *jalī* dua	*khafī* setengah; *jalī* satu; had lima kali	Dilonggarkan

Aspek peruntukan	Pindaan 2016	Pindaan 2024	Corak perubahan
Ganjaran ketekalan tariq	Dititikberatkan	Markah istimewa maksimum satu	Diberi ganjaran
Kategori qira'at	Tiada	Tiada	Kekal tiada
Wajaran tajwid	35 daripada 100	35 daripada 100	Kekal

Sumber: Disusun daripada JAKIM (2016, 2024)

4.2 Struktur yang Kekal dan Item Penilaian yang Berkurang: Peruntukan Qira'at dalam Pedoman Musabaqah Indonesia

Pedoman musabaqah Indonesia disusun oleh Direktorat Penerangan Agama Islam, Kementerian Agama. Setiap semakan pedoman didahului oleh mesyuarat penghakiman yang melibatkan pakar bidang (DPAI, 2020). Berbeza dengan peraturan Malaysia, bahagian pendahuluan pedoman Indonesia menyatakan sebahagian perubahan secara tersurat. Sebagai contoh, pendahuluan Pedoman 2025 menyenaraikan perubahan pada cabang hadis, tafsir dan karya tulis ilmiah, serta penggunaan *maqra'* berasaskan teknologi maklumat (DPAI, 2025, hlm. 4–5). Cabang *qira'at* tidak disebut, walaupun tiga peruntukannya diubah pada 2025 dan kesemua perubahan itu berlaku pada aras antara riwayat.

4.2.1 Struktur Cabang Qira'at yang Kekal

Qira'atus Sab'ah pada asalnya merupakan salah satu golongan dalam Cabang Tilawah. Dalam edisi yang disebut dalam pendahuluannya sebagai Pedoman Musabaqah tahun 2018, golongan ini dipersetujui untuk dijadikan cabang tersendiri dengan empat golongan (DPAI, 2020, hlm. 5). Struktur ini kekal hingga 2025, tetapi susunan penilaiannya berubah. Pada 2023, kedua-dua bidang penilaian disusun semula dan beberapa item dipindahkan dari satu bidang ke bidang yang lain. Item *ʿadam al-tarkīb wa al-tardīd* juga dipecahkan kepada dua item, dan pencampuran wajah dinaikkan tarafnya daripada kesalahan *khafī* kepada kesalahan *jalī* (DPAI, 2020, hlm. 79, 83; 2023, hlm. 74–75, 80). Cabutan riwayat turut bertukar kepada sistem *e-maqra'* (DPAI, 2020, hlm. 77;

2023, hlm. 72). Item *tathbīq* bagaimanapun kekal sehingga dibubarkan pada 2025.

Bacaan dalam cabang ini menggunakan *qira'at* tujuh menurut *Tariq al-Syatibi*, dan LPTQ Nasional menentukan imam yang dibaca bagi setiap musabaqah. Pedoman menyenaraikan Nafiʿ (Qalun dan Warsy), Ibn Kathir (al-Bazzi dan Qunbul), Abu ʿAmr (al-Duri dan al-Susi), Ibn ʿAmir (Hisyam dan Ibn Dhakwan), ʿAsim (Syuʿbah dan Hafs), Hamzah (Khalaf dan Khallad) serta al-Kisaʾi (Abu al-Harith dan al-Duri) (DPAI, 2025, hlm. 64). Senarai ini menghasilkan empat belas riwayat daripada tujuh *qira'at* mutawatir tanpa *qira'at* syaz, selaras dengan kanon dua perawi al-Dani dan al-Syatibi (Nasser, 2015). Setiap peserta membaca dua riwayat daripada satu imam yang dicabut lima belas minit sebelum gilirannya, dan potongan lima markah dikenakan bagi bacaan yang kurang atau lebih (DPAI, 2020, hlm. 76, 91).

4.2.2 Daripada Imam Sepuluh kepada Imam Tujuh

Pedoman 2020 dan 2023 mentakrifkan musabaqah *qira'at as-sabʿah* sebagai musabaqah dengan ragam bacaan bersanad *mutawātir* yang dinisbahkan kepada Imam *Qira'at* Tujuh dan Imam *Qira'at* Sepuluh (DPAI, 2020, hlm. 71; 2023, hlm. 67). Rujukan kepada imam sepuluh juga terdapat dalam bahagian penilaian. Edisi 2020 mentakrifkan kesalahan *jalī* sebagai kesalahan yang merosakkan ketentuan *qira'at* Imam Tujuh atau Imam Sepuluh. Kesalahan *khafī* pula ialah bacaan yang menyimpang daripada ketentuan Imam Tujuh menurut *Tariq al-Syatibiyyah* atau Imam Sepuluh menurut *Tariq al-Syatibiyyah wa al-Durrah* (DPAI, 2020, hlm. 80). Edisi 2023 menggugurkan sebutan imam sepuluh dalam takrifan kesalahan *jalī*, tetapi contoh kesalahan pada hukum mad masih merujuk kepada "riwayat siapa saja dari imam tujuh/sepuluh" (DPAI, 2023, hlm. 76, 79).

Dalam Pedoman 2025, takrifan cabang hanya menyebut imam tujuh (DPAI, 2025, hlm. 63), dan contoh kesalahan pada hukum mad tidak lagi merujuk kepada mana-mana imam (hlm. 74–75). Takrifan kesalahan *jalī* juga diringkaskan daripada "imam tujuh atau para rawi" kepada "imam tujuh". Dengan itu, aras perawi tidak lagi disebut secara tersurat (DPAI, 2023, hlm. 76; 2025, hlm. 72). Perubahan ini tidak dijelaskan dalam pedoman dan mungkin dianggap kecil kerana nama cabang itu sendiri merujuk kepada tujuh imam, tetapi kesannya terhadap kerangka rujukan cabang sebenarnya lebih besar. Fasa

keempat pembentukan kanon, ketika Ibn al-Jazari menambah tiga imam (Nasser, 2020), sudah tidak tercatat dalam teks peraturan. Memandangkan sepuluh *qira'at* lazimnya dirujuk melalui *al-Durrah* dan *al-Tayyibah* (Himmad et al., 2023), kedua-dua *matn* ini juga tidak lagi menjadi sebahagian daripada takrifan cabang.

4.2.3 Pembubaran Item Penilaian Tathbīq

Antara ketiga-tiga perubahan, kesan yang paling besar terhadap struktur penilaian datang daripada keputusan membubarkan item *tathbīq*, iaitu item yang menilai sejauh mana peserta menerapkan ciri pembeza riwayat. Pedoman 2020 menyenaraikan item ini sebagai item kelima dalam bidang *faṣāḥah* dan kaedah *uṣūliyyah*. Ciri yang dinilai merangkumi *imālah*, *taqlīl*, *fatḥ*, *ishmām*, *rawm*, *idgham*, *tashīl* hamzah, *naql*, *ibdāl* dan *sakt* (DPAI, 2020, hlm. 79). Satu baris khusus disediakan bagi item ini dalam borang penilaian (hlm. 102, 106). Item ini masih terdapat dalam Pedoman 2023 sebagai item keenam dalam bidang *faṣāḥah*, yang telah disusun semula menjadi bidang *faṣāḥah* dan *farsy al-ḥurūf* (hlm. 74–75). Dalam Pedoman 2025, senarai item bagi bidang tersebut hampir sama kata demi kata dengan edisi 2023. Perbezaan utamanya ialah *tathbīq* sudah tiada dalam senarai, huraian mahupun borang, sedangkan wajaran bidang itu kekal tiga puluh markah (DPAI, 2025, hlm. 70–71).

Sebahagian kandungan item itu dipindahkan ke item umum dalam Pedoman 2025. Huraian *muraʿāt al-ḥurūf wa al-ḥarakāt* kini menyebut *imālah*, *taqlīl*, *ishmām* dan *rawm* sebagai contoh harakat yang tidak sempurna dilafazkan, iaitu kesalahan *khafī* (DPAI, 2025, hlm. 79). Huraian kaedah *uṣūliyyah* pula menyebut *idgham kabīr* dan *idgham ṣaghīr* (hlm. 75), sedangkan kedua-duanya tiada dalam huraian yang sama pada 2023 (DPAI, 2023, hlm. 79). *Fatḥ*, *tashīl*, *naql* dan *ibdāl* sudah tidak dinamakan dalam mana-mana item, dan *sakt* hanya muncul sebagai contoh peralihan *tariq* (DPAI, 2025, hlm. 77).

Huraian asal item *tathbīq* menyandarkan setiap ciri kepada riwayat tertentu, seperti *imālah* dan *sakt* kepada Khalaf, *taqlīl* kepada al-Susi, *fatḥ* kepada Qalun, *naql* dan *ibdāl* kepada Warsy, serta *tashīl* hamzah kepada al-Bazzi (DPAI, 2020, hlm. 86–88). Maklumat ini tidak dinyatakan dalam item umum yang menerima sebahagian kandungannya. Kesalahan dalam *tathbīq* juga diisytiharkan sebagai kesalahan *khafī* semata-mata (DPAI, 2020, hlm. 87; 2023, hlm. 86, 89),

dan edisi 2020 mentakrifkan *khafi* sebagai kesalahan yang hanya diketahui oleh ulama *qira'at* dan *ahl al-adāʾ* (DPAI, 2020, hlm. 80).

Selepas item itu dibubarkan, kesalahan pada *imālah* atau *rawm* direkodkan bersama kesalahan harakat biasa dalam baris yang sama. Borang penilaian dengan itu tidak lagi membezakan kecuaian sebutan yang umum daripada kegagalan menerapkan ciri yang menandakan sesuatu riwayat. Item *tamām al-riwāyah* pula masih mengenakan potongan markah kepada peserta yang membaca kurang daripada dua riwayat (DPAI, 2025, hlm. 80). Hal ini bermakna bilangan riwayat yang dibaca masih dinilai dalam baris tersendiri, tetapi ciri yang membezakan riwayat-riwayat itu tidak lagi mempunyai baris khusus dan mungkin kurang diberi perhatian semasa penilaian. Pemerhatian ini terhad kepada struktur borang kerana kajian ini tidak memerhatikan amalan penghakiman semasa musabaqah.

4.2.4 Mushaf Standar sebagai Rujukan Maqra'

Pedoman 2025 memperkenalkan peruntukan baharu yang menetapkan bahawa surah dan nombor ayat bagi *maqra'* cabang *qira'at as-sabʿah* ditentukan berdasarkan Mushaf Standar Kementerian Agama Republik Indonesia, iaitu mushaf menurut *qira'at* Imam ʿAsim riwayat *Hafs* (DPAI, 2025, hlm. 64). Bilangan ayat termasuk dalam ilmu *ʿadd al-āy* dan dinisbahkan kepada pusat mushaf serantau tanpa kaitan dengan perawi (Farrin, 2019). Sistem *Kufi* telah lama menjadi sistem piawai dalam hampir keseluruhan mushaf cetak moden. Bagi tujuan penomboran sahaja, peruntukan ini berkemungkinan hanya merakamkan amalan yang sedia ada.

Mushaf Standar juga menggunakan *rasm*, *ḍabṭ* dan tanda waqaf yang ditetapkan melalui Keputusan Menteri Agama Nomor 25 Tahun 1984 dan Instruksi Menteri Agama Nomor 7 Tahun 1984. Kedua-dua ketetapan ini menjadi asas pentashihan seluruh mushaf di Indonesia (Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qurʾan, t.t.). Ketiga-tiga ciri ini hanya mengikut riwayat *Hafs*. Apabila cabang yang mempertandingkan empat belas riwayat menjadikan mushaf ini rujukan tunggal bagi *maqra'*, teks bercetak yang digunakan bersama oleh peserta, hakim dan urus setia ialah teks satu riwayat, dan keadaan ini merupakan satu bentuk pemusatan rujukan. Rujukan cetak rasmi juga cenderung disalin ke dalam aplikasi mushaf yang digunakan oleh peserta (Darwis et al.,

2026), dan autoriti dalam menilai bacaan boleh berubah apabila bacaan disampaikan melalui perantara teknologi (VanderMeulen, 2021).

4.2.5 Kawalan terhadap Peralihan Tariq

Peruntukan yang sepadan dengan syarat makluman di Malaysia terdapat dalam item *muraʿāt al-riwāyah wa al-ṭuruq*, iaitu item yang menyemak sama ada peserta kekal membaca satu riwayat dan satu *tariq*. Pedoman memberikan contoh bacaan *Mad Jaiz Munfasil* bersama *saktah* bagi riwayat Khalaf. Bacaan sedemikian bermaksud peserta telah beralih daripada *al-Syatibiyyah* kepada *al-Nasyr* (DPAI, 2020, hlm. 84; 2025, hlm. 77). Contoh ini mengandaikan bahawa *tariq* dibezakan pada peringkat *matn*, sebagaimana yang dirumuskan oleh Ibn al-Jazari (2002). Bidang tajwid pula mengandungi dua item yang berkaitan. *ʿAdam al-tarkīb* menilai sama ada peserta kekal pada wajah daripada satu riwayat, manakala *ʿadam al-tardīd* menilai sama ada peserta mengulang beberapa wajah dalam satu nafas. Sejak 2023, pencampuran wajah dikira kesalahan *jalī*, manakala pengulangan wajah dikira kesalahan *khafī* (DPAI, 2023, hlm. 74, 80–81; 2025, hlm. 70, 75–76). Pada 2020, kedua-duanya digabungkan dalam satu item dan semua kesalahannya dikira *khafī* (DPAI, 2020, hlm. 83). Ringkasnya, Malaysia menamakan pencampuran sebagai kesalahan *jalī*, sedangkan Indonesia menjadikan larangan pencampuran sebagai item penilaian tersendiri.

Jadual 3

Perbandingan peruntukan cabang Qira'at as-Sabʿah dalam Pedoman Musabaqah 2020, 2023 dan 2025

Aspek peruntukan	**2020**	**2023**	**2025**	**Corak perubahan**
Status institusi	Cabang tersendiri, 4 golongan	Sama	Sama	Kekal
Rujukan imam dalam takrifan cabang	Imam tujuh dan sepuluh	Sama	Imam tujuh sahaja	Lebih terhad

Aspek peruntukan	**2020**	**2023**	**2025**	**Corak perubahan**
Rujukan dalam takrifan kesalahan *jalī*	Imam tujuh atau imam sepuluh	Imam tujuh atau para rawi	Imam tujuh	Diringkaskan
Tariq dan bilangan riwayat	al-Syatibiyyah; dua riwayat daripada satu imam	Sama	Sama	Kekal
Item *tathbīq*	Ada; baris khusus dalam borang	Ada	Dibubarkan; sebahagian ciri diserap ke dalam item umum	Lebih terhad
Susunan bidang penilaian	Tajwid dan *farsy al-ḥurūf*; *faṣāḥah* dan kaedah *uṣūliyyah*	Tajwid dan kaedah *uṣūliyyah*; *faṣāḥah* dan *farsy al-ḥurūf*	Sama seperti 2023	Disusun semula pada 2023
ʿAdam al-tarkīb dan *al-tardīd*	Satu item; kesalahan *khafī*	Dua item; *tarkīb* menjadi *jalī*	Sama seperti 2023	Diperketat pada 2023
Rujukan penomboran *maqra'*	Tiada	Tiada	Mushaf Standar	Dipusatkan
Wajaran bidang *faṣāḥah*	30 markah	30 markah	30 markah	Kekal

Sumber: Disusun daripada DPAI (2020, 2023, 2025)

Nota. Pedoman 2025 menggunakan ejaan *asy-Syathibiy* bagi *tariq* yang sama, tanpa perubahan makna.

4.3 Perbandingan antara Peraturan Malaysia dan Indonesia

Jika dilihat dari segi struktur semata-mata, Indonesia memberikan ruang *qira'at* yang jauh lebih luas. Negara ini mempunyai cabang khusus dengan empat golongan, empat belas riwayat (tujuh *qira'at* mutawatir dengan dua perawi bagi setiap imam) dan cabutan rawak. Malaysia pula tidak mempunyai kategori *qira'at* dan mengehadkan bacaan kepada satu riwayat serta satu *tariq* asas. Gambaran ini menjadi lebih rumit apabila perubahan antara edisi diambil kira. Kedua-dua negara memperketat peruntukan bacaan melalui mekanisme yang berlainan. Malaysia mengurangkan wajah bacaan yang dibenarkan dan menambah syarat pentadbiran, manakala Indonesia mengekalkan struktur cabangnya dalam dua edisi sebelum memperketat tiga peruntukan serentak pada 2025.

Di Malaysia, had baharu dikenakan dalam riwayat *Hafs* sahaja dan tidak mengubah riwayat yang boleh dipersembahkan kerana sejak awal hanya satu riwayat diperuntukkan. Di Indonesia pula, perubahan melibatkan rujukan kepada imam dan cara ciri pembeza riwayat dinilai. Walaupun instrumennya berbeza, kedua-dua negara tetap mengawal perkara yang sama, iaitu ketekalan peserta pada satu riwayat dan satu *tariq*.

Ketidakselarasan antara pendidikan *qira'at* dengan pengiktirafan dalam musabaqah yang dikenal pasti di Malaysia tidak wujud di Indonesia dari segi struktur. Namun, selepas item *tathbīq* dibubarkan, kepakaran tentang ciri pembeza riwayat terus diajarkan dan dipertandingkan di Indonesia tanpa item penilaian yang khusus. Ketidakselarasan yang serupa dengan itu wujud pada lapisan yang berlainan di kedua-dua negara, sebagaimana yang dirumuskan dalam Bahagian 4.6.

Jadual 4

Perbandingan silang ruang qira'at dalam peraturan musabaqah Malaysia dan Indonesia

Dimensi	**Malaysia**	**Indonesia**
Kategori khusus qira'at	Tiada	Ada, empat golongan

Dimensi	Malaysia	Indonesia
Bilangan riwayat	Satu	Empat belas (tujuh imam, dua perawi bagi setiap imam); satu imam bagi setiap musabaqah
Tariq	al-Syatibiyyah; al-Tayyibah dengan makluman	al-Syatibiyyah
Kawalan pencampuran dan peralihan tariq	Kesalahan *jalī* yang dinamakan; syarat makluman lima jam	Item *ʿadam al-tarkīb* dan *muraʿāt al-riwāyah wa al-ṭuruq*
Rujukan kanon	Riwayat tunggal	Imam tujuh; imam sepuluh digugurkan 2025
Item ciri pembeza riwayat	Tidak berkenaan	Dibubarkan 2025; sebahagian ciri diserap ke dalam item umum
Rujukan mushaf	Tidak dinyatakan	Mushaf Standar sejak 2025
Aras perubahan	Dalaman riwayat (tariq dan wajah)	Antara riwayat (imam dan ciri pembeza riwayat)

Sumber: Disusun daripada JAKIM (2016, 2024) dan DPAI (2020, 2023, 2025)

4.4 Enam Kemungkinan Penjelasan

Peraturan Malaysia dipinda pada 2024 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025, manakala Indonesia menyemak pedomannya pada 2025. Tiada bukti dokumentari bahawa pindaan di satu negara mempengaruhi pindaan di negara yang lain. Kedua-dua dokumen tidak saling merujuk dan tidak menyertakan sebarang nota huraian. Masa pindaan yang hampir sama juga tidak membuktikan bahawa sebabnya sama. Oleh itu, puncanya perlu dicari pada tekanan yang dihadapi oleh kedua-dua sistem. Enam penjelasan ditimbang dalam bahagian ini, iaitu tiga yang bertitik tolak daripada kandungan pindaan dan tiga lagi yang merupakan penjelasan saingan berkaitan dengan cara dokumen disusun, kapasiti hakim dan simbolisme negara.

Dari sudut ilmu *qira'at*, peruntukan yang lebih ketat itu boleh dilihat sebagai pelaksanaan prinsip *taḥrīr al-qirāʾāt* untuk mengelakkan *tarkīb* (Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim et al., 2024). Prinsip ini mempunyai asas yang kukuh dalam tradisi *qira'at* (Muhammad Fairuz A. Adi et al., 2025) dan dapat menerangkan sebab pencampuran riwayat dinamakan sebagai kesalahan *jalī*. Walau bagaimanapun, penjelasan ilmiah ini tidak dapat menerangkan syarat makluman lima jam. Tafsiran ini juga bercanggah dengan kes Indonesia kerana keputusan membubarkan item *tathbīq* menjadikan penilaian terhadap ciri pembeza riwayat kurang teliti.

Keperluan untuk menyeragamkan penghakiman memberikan penjelasan teknikal yang disokong oleh beberapa perubahan serentak. Di Indonesia, had julat perbezaan markah antara hakim kekal dua mata dalam edisi 2020 dan 2023, sebelum dikurangkan separuh pada 2025 (DPAI, 2020, hlm. 29; 2023, hlm. 26–27; 2025, hlm. 24). Malaysia pula menghaluskan skala potongan markah dan memperkenalkan had lima kali (JAKIM, 2024). Penerapan *imālah*, *taqlīl*, *ishmām*, *rawm* dan *sakt* merupakan aspek yang paling sukar dinilai secara konsisten semasa persembahan berlangsung. Apabila item khusus bagi ciri-ciri tersebut dibubarkan, risiko percanggahan markah antara hakim berkurang, tetapi ketepatan pengukuran turut terjejas.

Syarat makluman lima jam dan ketetapan satu terbitan rasmi sebagai rujukan *maqra'* juga boleh dilihat sebagai langkah pentadbiran. Kedua-dua peruntukan ini mengukuhkan peranan urus setia dalam menentukan had bacaan kerana pilihan *tariq* perlu diuruskan terlebih dahulu dan cabang *qira'at* kini mempunyai satu rujukan tunggal.

Satu lagi kemungkinan ialah perubahan itu hanyalah hasil penyusunan semula dokumen secara menyeluruh, tanpa keputusan dasar yang khusus. Dari segi bentuk, cara sebahagian kandungan *tathbīq* digabungkan dengan item umum menyerupai kerja penyelarasan teks. Bukti dokumen bagaimanapun melemahkan penjelasan ini kerana Pedoman 2025 mempunyai bilangan halaman yang sama dengan Pedoman 2023 (344 halaman) dan menyalin senarai item bidang yang sama hampir kata demi kata. Edisi itu juga menambah peruntukan baharu, seperti rujukan kepada Mushaf Standar dan julat markah yang lebih ketat, dan pendahuluannya tidak menyenaraikan cabang *qira'at* sebagai bahagian yang disemak (DPAI, 2025, hlm. 4–5). Penjelasan penyuntingan dapat

menerangkan bentuk perubahan, iaitu kandungan yang digabungkan, tetapi tidak dapat menjelaskan sebab item ini yang dipilih.

Kekangan sumber manusia juga boleh mendorong penyusun menggugurkan item yang paling banyak menuntut kepakaran, memandangkan hakim yang menguasai ciri setiap riwayat bagi ketujuh-tujuh imam tidak ramai. Berbeza daripada penjelasan teknikal yang memberi tumpuan kepada sifat kriteria, penjelasan ini mengaitkan pindaan dengan kekurangan penilai. Dokumen tidak melaporkan bilangan atau kelayakan hakim, tetapi jika andaian ini betul, item lain yang menuntut kepakaran riwayat sepatutnya turut dilonggarkan, sedangkan perkara itu tidak berlaku. Item *ʿadam al-tarkīb*, yang memerlukan hakim mengenal pasti wajah di luar riwayat yang dibaca, dinaikkan tarafnya kepada kesalahan *jalī* pada 2023 dan kekal sedemikian pada 2025 (DPAI, 2025, hlm. 75).

Bagi Indonesia, pindaan ini juga boleh dikaitkan dengan usaha menyeragamkan identiti nasional dengan menjadikan riwayat *Hafs* serta Mushaf Standar sebagai lambang kesatuan bacaan. Tafsiran simbolik ini kukuh bagi menjelaskan ketetapan *maqra'* kerana Mushaf Standar telah menjadi asas pentashihan seluruh mushaf di Indonesia sejak 1984. Sebaliknya, tafsiran ini tidak dapat menjelaskan sebab item *tathbīq* dibubarkan dalam cabang yang masih mempertandingkan empat belas riwayat. Selain itu, penjelasan simbolik tidak terpakai bagi Malaysia kerana peraturan Malaysia tidak merujuk kepada mana-mana mushaf rasmi.

4.5 Menimbang Penjelasan: Prinsip Kebolehhakiman

Jadual 5 merumuskan sejauh mana setiap penjelasan sepadan dengan sembilan dapatan utama. Tiada satu pun penjelasan dapat menerangkan kesemuanya. Tafsiran ilmiah sesuai dengan kes Malaysia tetapi bercanggah dengan keputusan membubarkan item *tathbīq*, manakala tafsiran pentadbiran menerangkan syarat makluman dan ketetapan mushaf, tetapi tidak menerangkan had baharu bagi wajah mad. Penjelasan penyuntingan paling sesuai bagi rujukan imam sepuluh yang digugurkan, kekangan sumber manusia bercanggah dengan item *ʿadam al-tarkīb* yang diperketat dan identiti nasional hanya menerangkan satu dapatan. Hanya penjelasan teknikal yang menerangkan paling banyak dapatan dan tidak bercanggah dengan mana-mana dapatan.

Jadual 5

Kesesuaian enam kemungkinan penjelasan dengan dapatan utama

Dapatan	Ilmiah	Teknikal	Pentadbiran	Penyuntingan	Sumber manusia	Identiti nasional
MY: *Tariq al-Tayyibah* tertakluk kepada makluman	Tidak	Sebahagian	Ya	Tidak	Sebahagian	Tidak
MY: Wajah *Mad Jaiz Munfasil* dihadkan	Ya	Ya	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
MY: Pencampuran riwayat dan tariq dinamakan *jali*	Ya	Ya	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
MY: Kadar potongan dihaluskan; had lima kali	Tidak	Ya	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak
ID: *'Adam al-tarkīb* diperketat (2023) dan dikekalkan	Ya	Ya	Tidak	Tidak	Bercanggah	Tidak
ID: Item *tathbīq* dibubarkan	Bercanggah	Ya	Tidak	Sebahagian	Sebahagian	Tidak
ID: Rujukan imam sepuluh digugurkan	Sebahagian	Sebahagian	Tidak	Ya	Tidak	Tidak
ID: Mushaf Standar dijadikan rujukan *maqra'*	Tidak	Sebahagian	Ya	Tidak	Tidak	Ya
ID: Julat markah antara hakim dibahagi dua	Tidak	Ya	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak

Sumber: Analisis penulis

Nota. Ya = menerangkan dapatan; Sebahagian = menerangkan sebahagian aspek dapatan; Tidak = tidak menerangkan dapatan; Bercanggah = meramalkan arah yang bertentangan dengan dapatan. MY = Malaysia; ID = Indonesia.

Disebabkan penjelasan-penjelasan ini tidak saling menafikan, kajian ini mencari satu prinsip yang dapat merangkumi kesemuanya secara paling menyeluruh. Prinsip yang dicadangkan ialah kebolehhakiman (*adjudicability*), iaitu kecenderungan sistem musabaqah untuk mengekalkan kriteria yang dapat dinilai secara seragam dan mengehadkan kriteria yang sukar dinilai secara seragam. Melalui prinsip ini, dapat diterangkan sebab sesebuah sistem menggugurkan kriteria yang menjadi tujuan asal kategorinya diwujudkan, iaitu kerana kriteria itulah yang paling sukar dihakimi secara seragam walaupun nilainya dalam disiplin asal tidak berkurang. Logiknya sama dengan penyetaraan ukuran, iaitu ciri yang paling sukar dimasukkan ke dalam metrik markah menjadi ciri pertama yang tidak lagi diambil kira (Espeland & Stevens, 1998), dan logik ini tidak mengandaikan sebarang niat pada pihak penggubal.

Teks pedoman menyokong prinsip ini apabila *tathbīq* dibandingkan dengan item lain yang mempunyai status serupa. Status *khafī* semata-mata turut dikongsi oleh *makhārij al-ḥurūf*, *ṣifāt al-ḥurūf* dan *ʿadam al-tardīd* (DPAI, 2023, hlm. 77–78, 80–81), tetapi kesemua item ini dikekalkan. *Makhārij* dan *ṣifāt* dinilai berdasarkan norma sebutan yang sama bagi semua peserta, manakala *tardīd* dan *tarkīb* dapat diputuskan sebagai ada atau tiada. *Tathbīq* pula menuntut hakim menilai darjah penerapan sesuatu ciri, sedangkan norma bagi ciri itu bertukar mengikut riwayat yang dicabut lima belas minit sebelum giliran peserta. Contohnya ialah perbezaan antara vokal e tebal bagi *imālah* dengan vokal e tipis bagi *taqlīl*, atau baris yang dilafazkan sebahagian sahaja dalam *rawm* (DPAI, 2023, hlm. 86–88). Al-Dhabbaʿ (2007) turut mengakui bahawa *tarkīb* berlaku kerana pembaca tidak mengetahui perbezaan antara *tariq*. Hal ini menandakan bahawa perkara tersebut sukar dikuasai serta sukar dinilai secara seragam.

4.6 Tiga Lapisan Ruang Qira'at

Ruang *qira'at* dalam musabaqah ditentukan oleh tiga lapisan yang bertindan, iaitu struktur (kategori atau cabang yang membolehkan *qira'at* dipertandingkan), rujukan kanon (imam dan riwayat yang diiktiraf) dan item pengukuran (perkara yang benar-benar diberi markah). Ketiga-tiga lapisan ini beroperasi pada dua aras, iaitu aras dalaman riwayat dan aras antara riwayat. Di Malaysia, perubahan pada lapisan rujukan dan lapisan pengukuran berlaku dalam riwayat *Hafs* sahaja. Di Indonesia pula, perubahan pada kedua-dua lapisan itu melibatkan hubungan antara riwayat.

Cabang *qira'at* di Indonesia masih wujud sebagai cabang tersendiri, tetapi kini hanya merujuk kepada tujuh imam dan tidak lagi mengukur ciri pembeza riwayat melalui item khusus. Ruang yang disediakannya dengan itu lebih sempit daripada gambaran yang diberikan oleh strukturnya. Keadaan ini dapat digambarkan sebagai penyahgandingan cara-matlamat (Bromley & Powell, 2012) kerana cabang itu dilaksanakan sepenuhnya, tetapi hubungannya dengan matlamat asal, iaitu mempertandingkan perbezaan antara riwayat, menjadi semakin kabur. Bromley dan Powell memberi tumpuan kepada keadaan struktur dan tidak mengandaikan motif seremonial seperti dalam rumusan asal Meyer dan Rowan (1977). Oleh itu, konsep ini selari dengan pendirian kajian ini bahawa pindaan tersebut neutral dari segi niat. Ketiadaan cabang *qira'at* di Malaysia pula tidak semestinya bermakna kepakaran *qira'at* tidak wujud kerana kepakaran itu terus dihasilkan melalui institusi pendidikan.

Lapisan pengukuran berpotensi memberi kesan yang paling besar kerana pihak yang diukur cenderung menyesuaikan tumpuan mereka dengan apa yang diukur (Espeland & Sauder, 2007). Sekiranya kecenderungan ini berlaku dalam musabaqah, ciri yang tidak lagi diberi markah secara khusus mungkin kurang dilatih walaupun struktur cabangnya kekal. Selagi tiada bukti tentang perubahan dalam amalan latihan peserta, dakwaan ini kekal sebagai hipotesis untuk kajian lanjutan. Kerangka ini terpakai bagi pengiktirafan yang berasaskan markah, tetapi tidak terpakai secara langsung bagi pengijazahan kerana pengijazahan tidak dilaksanakan melalui borang pemarkahan.

4.7 Implikasi terhadap Pelapis Qurra' dan Legitimasi

Kesinambungan sanad bergantung pada rantaian periwayatan yang bersambung dan disahkan melalui pengijazahan (Norazman Alias et al., 2018; Ulya et al., 2023). Rantaian itu hanya dapat diteruskan sekiranya ada pelapis yang mempelajari riwayat selain *Hafs*. Mohamad Redha Mohamad et al. (2023) mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan sanad *talaqqi* tidak bersambung, antaranya pemalsuan sanad, kecuaian dalam mencatat jalur periwayatan dan sikap tidak mengambil tahu tentang ilmu sanad. Al-Muthairiy (2013) turut menegaskan bahawa usaha memelihara sanad perlu dilakukan secara berterusan dan tersusun.

Apabila peluang untuk mendapat pengiktirafan awam semakin terhad, dorongan untuk mempelajari riwayat lain berkemungkinan turut berkurang.

Hubungan ini bagaimanapun tidak langsung kerana pengajian *qira'at* juga berjalan melalui pengijazahan. Kajian lepas telah melaporkan bahawa pencapaian murid dan kemahiran guru masih belum memuaskan (Aini Haslina Abdul Hamid, 2023; Sharifah Noorhidayah Syed Aziz & Norhasanah Mohd Yusoff, 2023). Markah johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa antara 2012 hingga 2018 juga menurun daripada 95.33 kepada 92.09 peratus bagi qari dan daripada 94.00 kepada 92.05 peratus bagi qariah (Azmi Budin et al., 2022). Gade (2004) dan Rasmussen (2010) membayangkan bahawa apa yang dipertandingkan boleh mempengaruhi apa yang diajarkan, tetapi kesan pembubaran item *tathbīq* terhadap latihan peserta belum dapat dipastikan.

Persoalan legitimasi timbul kerana dakwaan kedua-dua negara sebagai pemelihara tradisi bacaan bersandarkan kepelbagaian yang terdapat dalam tradisi itu sendiri. Musabaqah kebangsaan sendiri merupakan antara acara paling menonjol yang menghubungkan negara dengan masyarakat Islam (Handayana & Rezi, 2018). Apabila peruntukan musabaqah mengehadkan ruang tersebut, sebahagian riwayat dan wajah bacaan kurang berpeluang untuk dipersembahkan kepada umum. Setiap pertandingan perlu menetapkan had tertentu, dan had yang dikenakan ini tidak semestinya menunjukkan niat untuk mengurangkan kepelbagaian. Walau bagaimanapun, kesan kumulatifnya wajar diambil kira dalam perancangan dasar.

4.8 Cadangan

Bagi Malaysia, penganjur musabaqah wajar mempertimbangkan untuk mewujudkan kategori *qira'at* dalam musabaqah kebangsaan, sekurang-kurangnya sebagai kategori jemputan. Langkah ini dapat menyelaraskan pengiktirafan dalam musabaqah dengan pendidikan *qira'at* yang telah lama dijalankan. Ketekalan riwayat dalam kategori tilawah tidak akan terjejas kerana kategori *qira'at* dipertandingkan secara berasingan. Di Indonesia, penyusun pedoman boleh mempertimbangkan untuk mengembalikan *tathbīq* sebagai item tersendiri. Sekiranya kesukaran menilai ciri-ciri tersebut menjadi punca item itu dibubarkan, panduan pemarkahan yang lebih terperinci bagi hakim merupakan pilihan yang lebih wajar daripada menggabungkan item itu ke dalam item umum.

5. KESIMPULAN

Malaysia mengehadkan bacaan kepada riwayat *Hafs ʿan ʿAsim* menurut *Tariq al-Syatibiyyah* dan tidak mempunyai kategori *qira'at*, manakala Indonesia mempertandingkan empat belas riwayat daripada tujuh imam menurut *tariq* yang sama. Sepanjang tempoh 2016 hingga 2025, peraturan kedua-dua negara menjadi semakin ketat melalui mekanisme yang berbeza dan pada aras yang berbeza. Had baharu di Malaysia dikenakan dalam satu riwayat melalui syarat pentadbiran dan wajah bacaan yang lebih terhad. *Tariq al-Tayyibah* dijadikan pengecualian yang perlu dimaklumkan, wajah *Mad Jaiz Munfasil* dikurangkan dan pencampuran riwayat dinamakan sebagai kesalahan *jalī*. Di Indonesia, struktur cabang kekal, tetapi item ciri pembeza riwayat dibubarkan pada 2025 dan hanya sebahagian kandungannya dimasukkan ke dalam item umum. Pindaan itu dibuat serentak dengan tiga perubahan lain, iaitu rujukan kepada imam sepuluh digugurkan, Mushaf Standar ditetapkan sebagai rujukan *maqra'* dan julat markah antara hakim diperketat.

Daripada enam penjelasan yang ditimbang, penjelasan teknikal menerangkan paling banyak dapatan, dan tiada satu pun dapatan yang bercanggah dengannya. Atas dasar itu, kajian ini merajihkan prinsip kebolehhakiman sebagai hipotesis yang paling sesuai dengan bukti. Item yang dibubarkan memerlukan hakim menilai darjah penerapan berdasarkan norma yang bertukar mengikut riwayat. Sebaliknya, item yang menuntut kepakaran tinggi tetapi dapat diputuskan sebagai ada atau tiada, seperti *ʿadam al-tarkīb*, dikekalkan malah diperketat. Kerangka tiga lapisan pada dua aras memperlihatkan bahawa struktur yang lebih luas tidak semestinya bermakna ruang *qira'at* yang lebih luas. Hipotesis kebolehhakiman wajar diuji melalui temu bual dengan penyusun peraturan dan hakim. Hipotesis kereaktifan pula memerlukan kajian terhadap amalan latihan peserta, di samping analisis terhadap peraturan musabaqah peringkat negeri dan antarabangsa.

RUJUKAN

Abdul Jalal Abdul Manaf. (2019). *Penilaian pelaksanaan kurikulum qiraat peringkat diploma di Malaysia* [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdullah Yusof, & Siti Norfariza Mohd Tawel. (2013). Penganjuran tilawah al-Quran peringkat kebangsaan: Sejarah dan perkembangannya. *Jurnal Al-Tamadun, 8*(2), 15–25. https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT

Aini Haslina Abdul Hamid. (2023). Kemahiran ilmu qiraat berdasarkan pengajaran abad ke-21 dalam kalangan guru Kelas Kemahiran al-Quran. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 6*(2), 35–50. https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i2.70

Al-Dhabbaʿ, M. ʿA. (2007). *Sharḥ al-naṣṣ fī al-kalimāt al-mukhtalaf fīhā ʿan Ḥafṣ*. Dār al-Ṣaḥābah li al-Turāth.

Al-Hadi Qabah, ʿA. (1999). *Al-qirāʾāt al-Qurʾāniyyah: Tārīkhuhā, thubūtuhā, ḥujjiyyatuhā, aḥkāmuhā*. Dār al-Gharb al-Islāmī.

Al-Muthairiy, ʿA. (2013). *Asānīd al-qirāʾāt wa manhaj al-qurrāʾ fī dirāsatihā*. Jāmiʿah al-Imām Muḥammad bin Saʿūd al-Islāmiyyah.

Azmi Budin, Rahisham Ramli, & Mohd Hakim Mothar Rijan. (2022). Pembinaan Model Latihan Taranum Bersepadu (MLTB) dalam meningkatkan kualiti bacaan peserta Majlis Tilawah al-Quran di Melaka. *Jurnal Ilmi, 12*, 189–202. https://ejournal.unimel.edu.my/index.php/JILMI/article/view/1238

Azmil Hashim, & Jahidih Saili. (2015). Hubungan antara tahap kemahiran al-Quran guru dan pencapaian tajwid al-Quran pelajar KKQ di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Tinta Artikulasi Membina Ummah, 1*(1), 144–151. https://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2015/06/TAMU-Vol-1-June-2015-14-144-151.pdf

Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal, 9*(2), 27–40. https://doi.org/10.3316/QRJ0902027

Bromley, P., & Powell, W. W. (2012). From smoke and mirrors to walking the talk: Decoupling in the contemporary world. *Academy of Management Annals, 6*(1), 483–530. https://doi.org/10.5465/19416520.2012.684462

Darul Quran JAKIM. (t.t.). *Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat*. Dicapai pada 15 Julai 2026, daripada https://www.darulquran.gov.my/index.php/en/program/diploma-of-tahfiz-al-quran-al-qiraat

Darwis, M. K. F., Ashadi, A., & Wendry, N. (2026). Living Qurʾan dan transformasi digital qiraʾat: Studi penggunaan aplikasi Mushaf At-Taisir

pada peserta MTQ cabang qiraʾat. *Jurnal Keilmuan dan Keislaman, 5*(1), 64–85. https://doi.org/10.23917/jkk.v5i1.859

Direktorat Penerangan Agama Islam. (2020). *Buku pedoman musabaqah Al-Qurʾan dan Al-Hadis*. Kementerian Agama Republik Indonesia. https://lptq.jatengprov.go.id/wp-content/uploads/2022/09/2020-BUKU-PEDOMAN-MUSABAQAH-AL-QURAN-DAN-AL-HADITS.pdf

Direktorat Penerangan Agama Islam. (2023). *Buku pedoman musabaqah Al-Qurʾan dan Al-Hadis tahun 2023*. Kementerian Agama Republik Indonesia. https://lptq.jatengprov.go.id/wp-content/uploads/2023/06/2023-BUKU-PEDOMAN-MUSABAQAH-AL-QURAN-DAN-AL-HADIST-TAHUN-2023-1.pdf

Direktorat Penerangan Agama Islam. (2025). *Buku pedoman musabaqah Al-Qurʾan dan Al-Hadis 2025*. Kementerian Agama Republik Indonesia. https://lptq.jatengprov.go.id/wp-content/uploads/2025/11/2025-Buku-Pedoman-MTQ-25-April.pdf

Espeland, W. N., & Sauder, M. (2007). Rankings and reactivity: How public measures recreate social worlds. *American Journal of Sociology, 113*(1), 1–40. https://doi.org/10.1086/517897

Espeland, W. N., & Stevens, M. L. (1998). Commensuration as a social process. *Annual Review of Sociology, 24*, 313–343. https://doi.org/10.1146/annurev.soc.24.1.313

Farrin, R. K. (2019). The verse numbering systems of the Qurʾān: A statistical and literary comparison. *Journal of the International Qurʾanic Studies Association, 4*, 3–58. https://lockwoodonlinejournals.com/index.php/jiqsa/article/view/456

Gade, A. M. (2004). *Perfection makes practice: Learning, emotion, and the recited Qurʾan in Indonesia*. University of Hawai'i Press.

Handayana, S., & Rezi, M. (2018). MTQ: Antara seni membaca Alquran dan politik akomodasionis pemerintah terhadap umat Islam. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies, 2*(2), 133–142. https://doi.org/10.30983/it.v2i2.747

Himmad, G. A., Mokhtar, A. B., & Hidayatil, R. (2023). Matan-matan utama dalam pengajian ilmu qiraat: Analisis metode penulisan dan simbol.

QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 6(2), 20–34. https://qiraat.uis.edu.my/index.php/qiraat/article/view/65

Hissan, K., Widayati, R., & Huda, A. N. (2025). Talaqqi musyafahah dalam halaqah qiraat: Studi analisis teori dan amalan pengajaran ilmu qiraat Ahsin Sakho Muhammad. *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qurʾan dan Tafsir, 10*(1), 127–142. https://doi.org/10.30868/at.v10i01.8434

Hsieh, H.-F., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research, 15*(9), 1277–1288. https://doi.org/10.1177/1049732305276687

Hude, M. D., Muhammad, A. S., & Sunarsa, S. (2020). Penelusuran kualitas dan kuantitas sanad qiraah sabʿah. *Misykat, 5*(1), 1–22. https://doi.org/10.33511/misykat.v5n1.1-22

Ibn al-Jazari, M. M. (1999). *Munjid al-muqriʾīn wa murshid al-ṭālibīn*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Ibn al-Jazari, M. M. (2002). *Al-Nashr fī al-qirāʾāt al-ʿashr* (J. M. Sharaf, Ed.). Dār al-Ṣaḥābah.

Ikmal Zaidi Ismail, & Syahir Nzly Mohd Radzi. (2022). Aplikasi qasr al-munfasil dalam tilawah al-Quran. Dalam *Isu-isu kontemporari dalam pengajian tahfiz al-Quran dan al-Qiraat* (hlm. 172–177). Universiti Islam Selangor.

Istiqomah, I., Aqillah, H. N., & Sirojjudin, M. (2025). Transformasi metodologis ilmu qiraat dalam asy-Syathibiyyah dan Tayyibatun-Nasyr karya asy-Syathibi dan Ibn al-Jazari. *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qurʾan dan Tafsir, 10*(2), 327–342. https://jurnal.staialhidayahbogor.ac.id/index.php/alt/article/view/9335

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2016). *Peraturan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan (Pindaan 2016)*. https://www.islam.gov.my/images/muat-turun/Peraturan_MTQK_Pindaan_2016.pdf

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2024). *Peraturan dan penghakiman Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (Pindaan 2024)*. https://www.islam.gov.my/images/muat-turun/2024/BUKU_PERATURAN_DAN_PENGHAKIMAN_MAJLIS_TILAWAH_DAN_HAFAZAN.pdf

Ku Mohd Syarbaini Ku Yaacob, Muhamad Husni Hasbulah, Afiffudin Mohammed Noor, & Muhammad Anas Zakwan Sabri. (2025). Trends

and themes in Al-Quran teaching and learning: A bibliometric analysis. *QURANICA: International Journal of Quranic Research, 17*(2), 143–171. https://doi.org/10.22452/quranica.vol17no2.32

Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qurʾan. (t.t.). *Tiga Mushaf Al-Qurʾan Standar Indonesia*. Kementerian Agama Republik Indonesia. Dicapai pada 15 Julai 2026, daripada https://lajnah.kemenag.go.id/info-lpmq/berita-dan-artikel/artikel/tiga-mushaf-al-qur-an-standar-indonesia.html

Meyer, J. W., & Rowan, B. (1977). Institutionalized organizations: Formal structure as myth and ceremony. *American Journal of Sociology, 83*(2), 340–363. https://doi.org/10.1086/226550

Mohamad Redha Mohamad, Muhammad Fairuz A. Adi, & Muhammad Zaid Shamsul Kamar. (2023). Faktor-faktor ketidaksambungan sanad talaqqī al-Quran. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 6*(1), 16–27. https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i1.59

Mohd Aderi Che Noh. (2011). Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu analisis. *Journal of Islamic and Arabic Education, 3*(1), 47–58. https://scispace.com/pdf/pelaksanaan-kelas-kemahiran-al-quran-di-malaysia-satu-4ag6lo9mdv.pdf

Mohd Ikram Mohd Nawi, Mohd Fairuz A. Adi, Mohamad Redha Mohamad, & Mujahid Ahmad Lutfi. (2025). Tahap kefahaman pelajar Diploma Tahfiz al-Quran al-Qiraat ITQAS terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam berinteraksi dengan matan Hirz al-Amani. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 8*(1), 19–29. https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.92

Muhammad Fairuz A. Adi, Ikram Md Nawi, & Mohamad Redha Mohamad. (2025). Wacana ilmuwan al-Qurʾan terhadap hukum tarkīb al-qirāʾāt. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 8*(1), 49–58. https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.96

Nasser, S. H. (2013). *The transmission of the variant readings of the Qurʾān: The problem of tawātur and the emergence of shawādhdh*. Brill.

Nasser, S. H. (2015). Revisiting Ibn Mujāhid's position on the seven canonical readings: Ibn ʿĀmir's problematic reading of *kun fa-yakūna*. *Journal of Qurʾanic Studies, 17*(1), 85–113. https://www.jstor.org/stable/24280715

Nasser, S. H. (2020). *The second canonization of the Qurʾān (324/936): Ibn Mujāhid and the founding of the seven readings*. Brill.

Nelson, K. (2002). *The art of reciting the Qurʾan*. American University in Cairo Press.

Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad, Zulhilmi Mohamed Nor, & Nor Hazirah Mat Saad. (2018). Sanad qiraat dan hadis: Analisa terhadap proses pengijazahan. *Maʿālim al-Qurʾān wa al-Sunnah, 14*(1), 109–120. https://doi.org/10.33102/jmqs.v14i1.122

Prayitna, I. P. P., Berliana, A., Yanti, Y., & Widayati, R. (2024). Sejarah kodifikasi ilmu qiraʾat dan urgensinya sebagai warisan bacaan Al-Qurʾan yang mutawatir. *Al-Fahmu: Jurnal Ilmu Al-Qurʾan dan Tafsir, 3*(1), 73–85. https://doi.org/10.58363/alfahmu.v3i1.182

Rasmussen, A. K. (2010). *Women, the recited Qurʾan, and Islamic music in Indonesia*. University of California Press. https://doi.org/10.1525/california/9780520255487.001.0001

Salim, M. A. (2022). Qiraʾah, riwayah, thariq dan wajh dalam variasi: Studi sample riwayat Hafsh dari Imam ʿAshim. *El-Muʿjam: Jurnal Kajian Al-Qurʾan dan Al-Hadis, 2*(1), 1–13. https://ejournal.iainu-kebumen.ac.id/index.php/el-mujam/en/article/view/557

Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, & Norhasanah Mohd Yusoff. (2023). Cabaran pelaksanaan kelas qiraat dalam Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) di Kelantan. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 6*(1), 1–7. https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i1.61

Ulya, M. N., Alkaff, S. A. R., Anwar, H., & Ulinnuha, M. (2023). An analysis of the sanad transmission by KH Muhammad Arwani (1905–1994) and his role in the dissemination of qiraat sabʿah knowledge in Indonesia. *QOF, 7*(2), 245–262. https://doi.org/10.30762/qof.v7i2.1400

Ummi Kalsom Hasan, & Zainora Daud. (2023). Kesignifikan qiraat jamak dalam pengajian qiraat: Satu sorotan literatur. Dalam *Prosiding Islamic Science Social Postgraduate Conference 2023* (hlm. 82–86). Universiti Sains Islam Malaysia. https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/2c864074-1d8b-4023-a57b-0c3332fade2d/content

VanderMeulen, I. (2021). Vocal arrangements: Technology, aurality, and authority in Qurʾanic recording. *International Journal of Middle East Studies, 53*(3), 371–386. https://doi.org/10.1017/S0020743821000428

Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim, Sedek Ariffin, & Abdul Jalal Abdul Manaf. (2024). Elemen taḥrīr qirāʾāt berpandukan definisi ilmu taḥrīrāt al-qirāʾāt oleh sarjana terawal dan kontemporari. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari, 7*(2), 1–12. https://doi.org/10.53840/qiraat.v7i2.87